

NO SOALAN : 70

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]
TARIKH : 6 MAC 2018
SOALAN : 70**

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- a) Sama ada Hospital Kampar sedia ada akan dinaikkan taraf memandangkan cadangan pembinaan hospital baru telah dibatalkan ; dan
- b) Kos menaik taraf yang terlibat dan kemudahan baru yang akan disediakan dan sama ada Kementerian bersedia menimbang semula pembinaan hospital baru di Kampar.

71

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memang telah menaiktaraf Hospital Kampar sejak tahun 2015 lagi, di mana kemudahan dari aspek ruang dan peralatan di hospital ini telahpun dinaiktaraf. Sehingga kini, KKM telah membelanjakan sebanyak RM 367,000 untuk kerja-kerja naiktaraf meliputi skop kerja berikut:

- i. Naiktaraf Unit Farmasi;
- ii. Naiktaraf Jabatan Kecemasan (A&E);
- iii. Naiktaraf ruang menunggu dan Triage;
- iv. Pembinaan kabin stor farmasi; dan
- v. Kerja penggantian bumbung wad 3.

KKM juga akan terus menaiktaraf Hospital Kampar dari semasa ke semasa di mana RM266,000 lagi peruntukan telahpun diluluskan untuk kerja naiktaraf Hospital Kampar pada tahun 2018 untuk:

- i. Kerja-Kerja Pemasangan Pencegah Kebakaran (*Fire Suppression System*) di Hospital Kampar; dan
- ii. Kerja-kerja Penggantian Sistem *Medical Gas Alarm* dan *ManifoldControl System* di *Plant Room*.

Bagi pembinaan Hospital baru di Kampar, pihak KKM akan mengkaji semula di masa hadapan.